



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT

**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4KIt.47 (03)

Tarikh : 10 Januari 2022

SIARAN MEDIA

KPKT & KPLB KOMITED MERAWAT KERESAHAN RAKYAT DENGAN PELAKSANAAN INISIATIF RUMAH KASIH KELUARGA MALAYSIA

PUTRAJAYA, 10 Januari 2021 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan YB Dato' Seri Mahadzir Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar (KPLB) pada hari ini meneruskan komitmen Bantuan Banjir Keluarga Malaysia yang diumumkan YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri berhubung **peruntukan RM100 juta bagi inisiatif membina semula dan membaik pulih rumah** yang terkesan akibat banjir dinamakan sebagai **INISIATIF RUMAH KASIH KELUARGA MALAYSIA**.

KPKT dan KPLB masing-masing diperuntukkan RM50 juta bagi usaha tersebut di mana kos sebanyak RM5,000 sehingga RM15,000 diperuntukkan bagi baik pulih rumah dan RM56,000 bagi kos bina baharu. Tanggungjawab bersama tersebut dilaksanakan secara bersepadu dimana KPKT akan bertanggungjawab bagi rumah-rumah (kategori bandar) di kawasan seliaan PBT manakala KLPB pula bertanggungjawab bagi rumah-rumah (kategori luar bandar) di luar kawasan pentadbiran PBT.

Inisiatif ini juga akan melibatkan peranan pelbagai pihak antaranya di **peringkat agensi pusat** iaitu **Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)**, serta di **peringkat Negeri** seperti **Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri** di negeri-negeri yang terlibat dengan bencana banjir baru-baru ini.

Mesyuarat Penyelarasan Pasca Banjir Bagi Tujuan Baik Pulih dan Bina Semula Rumah telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk M Nor Azman Taib, Ketua Setiausaha KPKT pada 6 Januari 2022 dan telah membincangkan usaha bersepadu tersebut bagi tujuan untuk memurnikan dan mengumpulkan data mangsa yang terkesan, memperincikan proses pelaksanaan dan mendapatkan komitmen semua pihak terlibat agar tiada mangsa yang ketinggalan daripada inisiatif ini.

Pelaksanaan Inisiatif Rumah Kasih Keluarga Malaysia adalah meliputi tiga fasa iaitu:

- i) Fasa 1 melibatkan kerja pengumpulan data oleh Pusat Kawalan Operasi Banjir (PKOB) dijalankan di peringkat daerah. Penyelarasan data di peringkat negeri dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan maklumat rakyat yang terkesan akan dikumpulkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU, JPM) sebagai Pusat Data Utama mangsa banjir;
- ii) Fasa 2 melibatkan pelaksana dan agensi penilai iaitu KPKT, KPLB, JKR dan Kerajaan Negeri dalam pemeriksaan, penilaian dan verifikasi data-data yang telah dikumpulkan; dan
- iii) Fasa 3 pula adalah kerja-kerja pembinaan atau baik pulih semua rumah yang terkesan sehingga siap dan kemudiannya akan dilaporkan semula kepada ICU, JPM selaku Pusat Data Utama Mangsa Banjir.

Berdasarkan data terkini, YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican menyatakan bahawa setakat ini terdapat **8,257** jumlah rumah yang terjejas akibat banjir di mana **118** adalah bagi pembinaan baru manakala **8,139** bagi membaik pulih rumah yang terjejas. Beliau turut memaklumkan bahawa angka-angka ini bersifat dinamik dan dijangka akan bertambah memandangkan masih ada negeri yang masih dilanda banjir. Data-data ini sedang dimuktamadkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan akan dikemukakan kepada KPLB dan KPKT dari semasa ke semasa..

Pelaksanaan **Inisiatif Rumah Kasih Keluarga Malaysia di peringkat KPKT akan dilaksanakan melalui SPNB dan PR1MA** selain JKR dan Kerajaan Negeri melalui kontraktor yang dilantik. Sehingga hari ini, **anggaran awal kos yang terlibat di peringkat KPKT adalah sebanyak RM83.4 juta** di mana **SPNB akan membina baharu** manakala **PR1MA akan melakukan kerja-kerja baik pulih**. Selain itu,

cadangan reka bentuk rumah adalah mengguna pakai model JKR iaitu Rumah Kekal Banjir Atas Tiang dan Rumah Kekal Banjir Atas Tanah dengan keluasan 660 kaki persegi menggunakan teknologi IBS.

YB Dato' Sri Reezal Merican turut memberi jaminan bahawa usaha ini akan dilaksanakan dengan segera dan disusuli dengan pemurniaan data yang melibatkan proses pemeriksaan, penilaian dan verifikasi kelayakan sebelum proses pembinaan dapat dilaksanakan.

Beliau menyatakan komitmen KPKT untuk merawat keresahan rakyat yang terkesan akibat kejadian banjir ini. Beliau juga merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan usaha bersepadu ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

KPKT memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan keresahan rakyat yang kehilangan tempat tinggal atau kediaman mereka mengalami kerosakan akibat banjir dapat segera dirawat agar mereka dapat memulakan kehidupan harian seperti sebelum ini. Ini adalah selari dengan Agenda dan Fokus KPKT iaitu *“Liveable Malaysia”* atau Malaysia Berdaya Huni.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT

#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

